



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2016
*UKUR BAHAN***

KOD : PJU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 4 APRIL 2016

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**ARAHAN KEPADA CALON**

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Berdasarkan 1PP, PK2, Pekeliling Perbendaharaan, perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara Sebut Harga. Berdasarkan had nilai perolehan Sebut Harga di bawah, nyatakan syarat-syarat pelawaan yang perlu dipatuhi:

Bil.	Had Nilai Perolehan Sebut Harga Kerja	Syarat-Syarat Pelawaan
A)	Perolehan yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000	i. ii. iii.
B)	Perolehan yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000	i. ii. iii.

(6 markah)

- b) Nyatakan maksud kontraktor tempatan Gred G1 dan kontraktor tempatan Gred G2.

(4 markah)

- c) Nyatakan **lima (5)** tugas Jawatankuasa Sebut Harga.

(10 markah)

SOALAN 2

a) Dokumen Tender disediakan berdasarkan Senarai Kuantiti atau lukisan dan spesifikasi.

i) Nyatakan **tiga (3)** perbezaan di antara keduanya.

(6 markah)

ii) Nyatakan **empat (4)** kebaikan penyediaan dokumen tender berdasarkan Senarai Kuantiti.

(8 markah)

b) Borang Tender adalah sebahagian daripada dokumen yang disertakan di dalam Dokumen Tender. Nyatakan **enam (6)** perkara penting yang dinyatakan di dalam Borang Tender.

(6 markah)

SOALAN 3

a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, 1PP, PK2, huraikan proses pelaksanaan kaedah perolehan secara tender terhadap bermula daripada pemilihan syarikat / kontraktor sehingga Surat Setujuterima Tender dikeluarkan.

(14 markah)

b) Nyatakan **tiga (3)** kriteria pemilihan perolehan secara tender terhadap.

(6 markah)

SOALAN 4

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan:

- a) Nyatakan **empat (4)** syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan sesuatu Perubahan Kerja dilaksanakan.

(6 markah)

- b) Lengkapkan jadual di bawah dengan menyatakan Nilai Perubahan dan Pihak Berkuasa Melulus bagi Arahan Perubahan Kerja untuk Jabatan Teknik yang melibatkan kontrak persekutuan.

Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus
i)		
ii)		
iii)		
iv)		

(8 markah)

- c) Apakah maksud dan ciri-ciri Perubahan Kerja?

(6 markah)

SOALAN 5

- a) Nyatakan perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa proses pelarasan harga kontrak dibuat.

(12 markah)

- b) Nyatakan kepentingan / keperluan Surat Akuan Statutori.

(2 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

- c) Nyatakan **tiga (3)** sebab yang memberikan kelewatan dalam penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(6 markah)

SOALAN 6

- a) Kontraktor : ABC Sdn Bhd
Harga Kontrak : RM40,800,500.00
Tarikh Siap Asal : 25 Januari 2014
Syarat-Syarat Kontrak 203A (Rev.1/2010)
Sebab Permohonan Lanjutan Masa :
- i) Kelewatan memberi tapak bina kepada kontraktor disebabkan masalah pemilikan tapak tanah yang belum selesai;n
 - ii) Kelewatan pelantikan Sub-kontraktor Dinamakan bagi kerja-kerja elektrikal.

Berdasarkan maklumat di atas dan syarat-syarat kontrak, nyata dan huraikan sama ada kontraktor layak untuk mendapat lanjutan tempoh masa.

(4 markah)

- b) Merujuk kepada Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan **lima (5)** sebab yang melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa.

(10 markah)

- c) Nyatakan bila Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan dan apakah kesan bila Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan.

(3 markah)

- d) Nyatakan **tiga (3)** tujuan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan dikenakan ke atas kontraktor.

(3 markah)

SOALAN 7

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan, 1PP, PK2:
- i) Jelaskan maksud kerja-kerja *Requisition*.
(2 markah)
 - ii) Huraikan **lima (5)** ciri pelaksanaan perolehan bagi kerja-kerja undi.
(10 markah)
- b) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 173.2, huraikan pelaksanaan Perolehan Secara Darurat.
(8 markah)

SOALAN 8

- a) Nyatakan asas dan tujuan penyediaan dokumen-dokumen berikut:
- i) *Preliminary Detailed Abstract (PDA)*
 - ii) *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)*
 - iii) *As Completed Detailed Abstract (ACDA)*
(12 markah)
- b) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi penyediaan kadar harga.
(8 markah)

SOALAN 9

Huraikan secara ringkas istilah-istilah di bawah:

- a) Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion*)
- b) Perakuan Kerja Tidak Siap (*Certificate of Non Completion*)
- c) Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate of Making Good Defect*)
- d) Wang Peruntukan Sementara
- e) Wang Kos Prima
- f) Wang Jaminan Pelaksanaan
- g) Sub-Kontraktor Dinamakan
- h) Tempoh Tanggungan Kecacatan
- i) Lukisan Siap Bina
- j) Perakuan Pendudukan Separah (*Certificate of Partial Occupation*)

(20 markah)

SOALAN 10

- a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP, PK2, terdapat had nilai bagi membolehkan sesuatu kaedah perolehan itu dibuat. Nyatakan had nilai bagi kaedah perolehan di bawah untuk tender kerja:

Bil.	Perolehan	Had Nilai Perolehan
i)	Lantikan Terus	
ii)	Undi/Pusingan	
iii)	Sebut harga	
iv)	Tender	

(4 markah)

SOALAN 10 (sambungan)

- b) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, 1PP, PK1, pelawaan tender kerja bagi kategori bangunan/awam/mekanikal dipelawa mengikut gred pendaftaran dan had nilai perolehan kerja tersebut. Berdasarkan gred pendaftaran di bawah, nyatakan had nilai perolehan kerja bagi setiap gred pendaftaran berikut :

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	
G2	
G3	
G4	
G5	
G6	
G7	

(7 markah)

- c) Nyatakan kadar harga bagi item-item di bawah:

Saiz kertas	Harga (rm)
A	
A1	
A2	
A3	
A4	
Cakera padat	

(9 markah)
